

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTRE FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan: UKM.KPD.ODL.600-4/2/2

Tarikh: 13 Oktober 2025

Semua Pelajar ODL,
Semester 1, Sesi akademik 2025-2026

Tuan/Puan

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 1, SESI AKADEMIK 2025-2026 (SEPTEMBER 2025)

Merujuk kepada perkara di atas,

Dimaklumkan bahawa minggu peperiksaan akhir dan penilaian akhir bagi program Secara Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) Semester 1, Sesi Akademik 2025-2026 (September 2025) adalah bermula pada **8 Disember 2025 sehingga 12 Disember 2025**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 1 Sesi Akademik 2025-2026 melalui **SMPE** mulai **3 November 2025 hingga 9 November 2025 (Minggu ke – 9)**. Sila tekan butang **SAH** sekiranya senarai kursus yang telah didaftarkan di **SMPE** adalah betul. Sekiranya, Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunapakai bagi proses persediaan peperiksaan/penilaian akan datang.

Pelajar yang ingin membuat perubahan dan **GAGAL** membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, Terima Kasih



ARDILLA BINTI MUHAMMAD ASRI
Penolong Pendaftar
Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL UKM

sk:

- Penyelaras Program ODL
- Bahagian Akademik, UKMShape



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL (UKMSHAPE)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: +603-8927 2120 E-mel: odl@ukm.edu.my Web: www.ukmodl.com